



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI AHAD, 07 SYAABAN 1442 / 21 MAC 2021
(HARI KETUJUH)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN TENAGA

2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Tenaga iaitu Tajuk SQ01A dan Tajuk SQ02A. Yang Berhormat Menteri Tenaga telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Tenaga.

2.1.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga:

i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:

- Menyoalkan sekiranya ekonomi negara akan terjejas disebabkan oleh tren-tren perubahan iklim seperti *de-carbonisation* dan apakah persediaan pihak Kementerian Tenaga dalam menangani isu tersebut.
- Ingin mengetahui tentang *status* terkini peniaga-peniaga di bawah program I-Ushawan yang sudah memperolehi kontrak.

ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu

- Memohon pencerahan mengenai usaha-usaha pihak Kementerian Tenaga dalam memperkayakan industri *renewable energy*.
- Mencadangkan agar disediakan sebuah *platform* agar dapat menunjukkan prestasi *Government-Linked Companies* (GLC) dalam industri minyak dan gas.
- Memohon pencerahan mengenai *milestone* pencapaian dan pencapaian yang dijangkakan pada tahun hadapan berkaitan Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD).

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

- Ingin mengetahui tindakan yang dilakukan oleh pihak Kementerian Tenaga bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja tempatan dalam sektor minyak dan gas, dan mencadangkan untuk bekerjasama dengan gigih bersama kementerian-kementerian berkaitan.
- Menyoalkan tentang jumlah anak tempatan yang diambil bekerja di Projek Loji Penapisan di Pulau Muara Besar dan *Brunei Fertilizer Industries* (BFI) dan rancangan Kementerian Tenaga bagi memastikan peluang pekerjaan terus dibukakan bagi anak-anak tempatan.
- Mencadangkan bagi mempergiatkan pemberigaan dan iklan-iklan kerja di sektor minyak dan gas bagi anak-anak tempatan.
- Ingin mengetahui tentang kedudukan masa hadapan pemberian subsidi minyak dan tindakan-tindakan yang dapat dilakukan oleh pihak berkenaan dalam mereka bentuk kos *recovery* subsidi minyak tanpa menjejaskan pemberian subsidi yang diberikan pada masa ini.

- iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad
 - Menyoalkan sama ada *tariff* elektrik di tempat perniagaan dan *tariff* elektrik di rumah kediaman adalah sama.
 - Mengharapkan program I-USAHAWAN untuk diteruskan agar dapat memberi peluang kepada warga negara Brunei Darussalam.

- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim
 - Mencadangkan untuk diadakan satu program khas *coaching* dan *mentoring* bagi anak-anak tempatan yang berpotensi bagi mempercepatkan proses "*Bruneisation*" di peringkat pengurusan tertinggi.

- vi. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput
 - Memohon penjelasan bilakah projek bekalan elektrik Kampong Bukit Sawat, Daerah Belait akan dilaksanakan.

- vii. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu
 - Menyoalkan jika Kementerian Tenaga mempunyai perancangan untuk membina *solar farm* di Daerah Temburong dan adakah pembinaan tersebut akan menjejaskan *flora* dan *fauna* di daerah tersebut.
 - Ingin mengetahui jika pihak Kementerian Tenaga bercadang untuk mengadakan dan memasukkan *Electric Vehicles* (EV) ke Daerah Temburong termasuk perancangan bagi membangun *charging station*.
 - Menyoalkan sama ada penggunaan penghawa dingin akan menjejaskan bateri kereta elektrik.

- viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari
- Menimbulkan mengenai isu-isu yang didengar mengenai gaji yang diterima anak tempatan yang bekerja di syarikat-syarikat yang tertentu untuk diberi perhatian dan diambil tindakan bersesuaian.
 - Mencadangkan pembukaan peluang-peluang perniagaan yang lebih luas dalam bidang elektrik dan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang berkaitan.
- ix. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis
- Ingin mengetahui sebab-sebab kekerapan berlakunya gangguan bekalan elektrik dan apakah usaha-usaha pihak Kementerian Tenaga dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam menangani isu berkenaan.
 - Mencadangkan agar dapat memberigakan perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya gangguan elektrik.
 - Mencadangkan untuk meningkatkan usaha dalam pengawasan kemasukan barang elektrik yang tidak mempunyai *safety standard* dan pendawaian yang tidak selamat bagi menurunkan kes-kes kebakaran.
- x. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung
- Mencadangkan agar pihak Kementerian Tenaga menyediakan inisiatif-inisiatif bagi ahli perniagaan tempatan yang bersesuaian bagi menggalakkan untuk mereka menawarkan peluang pekerjaan seperti mengurangkan cukai dan caj berkenaan yang dibayar kepada pihak Kerajaan apabila mengutamakan pekerja-pekerja Bumiputera.

- Mencadangkan pembukaan tapak-tapak industri baru di kawasan bandar dan luar bandar bagi sektor-sektor berpotensi tinggi.
 - Ingin mengetahui apakah sektor-sektor yang menjadi tumpuan utama oleh pihak kerajaan ke arah mewujudkan industri yang berimpak tinggi melalui plan-plan strategik yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan sumber tenaga manusia.
- xi. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon
- Ingin mengetahui program dan inisiatif yang akan dikendalikan oleh pihak Kementerian Tenaga di bawah tajuk Nilai Tempatan.
- xii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit
- Mengongsikan pengalaman peribadi dimana kurangnya respon kepada pengiklanan jawatan kosong dalam bidang pembinaan kayu dan ingin mengetahui sebab-sebab berlakunya perkara ini. Dan jika pihak Kementerian Tenaga ada membuat sebarang kajian tentang isu tersebut.
 - Mencadangkan agar Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) dan *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) memperbanyakkan lagi kursus-kursus kemahiran berkaitan dengan industri tenaga.
 - Mencadangkan agar *JobCentre* Brunei boleh berganding bahu dengan media massa untuk terus mengiklankan jawatan-jawatan kosong sehingga ianya diisikan.
- xiii. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman
- Menyoalkan bilakah kita akan dapat melihat *Bruneisation Directive* serta mengenalpasti pekerjaan-pekerjaan yang diperlukan di bawah

Manpower Industry Steering Committee (MISC) Energy di dalam sektor tenaga elektrik dan memberikan bimbingan serta latihan yang diperlukan.

- xiv. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari
- Ingin mengetahui jika pihak kerajaan telah membuat kajian tentang *cost-effectiveness* penggunaan tenaga solar *LED* bagi infrastruktur awam.
 - Ingin mengetahui perancangan pihak *Safety, Health and Environment National Authority (SHENA)* dalam mempertingkatkan penguatkuasaan keselamatan di tempat kerja bagi mengurangkan risiko kejadian yang tidak diingini.
- xv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong
- Ingin mengetahui tentang strategi pihak Kementerian Tenaga dalam menangani isu kebergantungan kepada pekerja asing agar dapat memberikan peluang kepada anak-anak tempatan dan seterusnya memperkasakan syarikat-syarikat tempatan.
- xvi. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin
- Memohonkan pencerahan bila penduduk-penduduk yang termasuk dalam program pemindahan akan diberikan penyelesaian seperti penggantian wang tunai atau tapak tanah untuk membina tempat tinggal yang tetap.
 - Menyoalkan perancangan Kementerian Tenaga untuk menawarkan kursus kemahiran berkaitan penghasilan tenaga solar kepada rakyat yang berminat bagi penggunaan sendiri.

2.1.3. Tajuk SQ01A hingga SQ02A - Kementerian Tenaga telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA
PADA 22 MAC 2021 JAM 9.30 PAGI]**
